

31/08/2002

KL sedia terima sesiapa saja inginkan penjelasan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kuala Lumpur sentiasa bersifat terbuka untuk menerima sesiapa saja yang ingin mendapatkan penjelasan sebenar mengenai proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin bagi negara yang terbabit.

Untuk itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menerima bekas presiden Filipina Fidel Ramos, yang dilaporkan akan dihantar untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita sentiasa bersikap terbuka untuk menemui sesiapa yang ingin mendapatkan cerita sebenar dari Malaysia mengenai isu ini.

"Saya fikir memang elok dia (Ramos) berbincang dengan kita kerana tindakan ganas tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.

"Namun, saya belum dapat pastikan tarikh bagi pertemuan itu lagi kerana ia bergantung kepada kesesuaian masa Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas diwawancara dalam program Selamat Pagi Malaysia di TV3 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar hari ini mengenai hasrat Presiden Filipina Gloria Arroyo untuk menghantar Ramos menemui Dr Mahathir bagi berbincang mengenai kebajikan rakyatnya yang dihantar pulang dari Sabah.

Hasrat Arroyo itu dibuat selepas beliau mengambil langkah melihat keadaan pendatang tanpa izin negara itu di Bongao, Tawi-Tawi.

Media Filipina kelmarin melaporkan sekurang-kurangnya 13 anak pendatang tanpa izin negara itu, meninggal dunia ketika pihak berkuasa Malaysia menghantar mereka pulang sejak Jun lalu.

Bagaimanapun, Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) semalam menafikan berlaku kematian bayi di tiga Pusat Tahanan Sementara Sabah sebagaimana yang didakwa media negara itu.

Syed Hamid berkata, Kuala Lumpur akan menjelaskan kepada mana-mana pihak yang ingin mendapat penjelasan bahawa segala proses penghantaran pulang dibuat dalam ruang lingkup undang-undang negara ini dan tidak timbul sebarang kes penganiayaan.

"Kita sedih dengan berita kematian kanak-kanak itu tetapi kita perlu tahu apakah punca sebenar kematian berkenaan. Kita bukannya nak menzalimi sesiapa," katanya.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap agar kerajaan Filipina akan mengambil tindakan mengikut undang-undangnya dalam menjamin keselamatan kedutaan Malaysia di Manila.

Sekumpulan rakyat Filipina semalam mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Malaysia di Manila, semalam.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, rundingan kedua mengenai pakej isu tertunggak di antara Malaysia dan Singapura akan diadakan minggu depan di republik itu.

Beliau berkata, Malaysia menyerahkan segala dokumentasi yang diperlukan dalam penetapan harga baru air yang akan dijual negara ini kepada Singapura dan kini, ia bergantung kepada Singapura untuk mendapatkan persetujuan bagi kadar yang ditetapkan.